

27/10/1997

Pantai Tok Bali, Kuala Semarak bakal membangun

PASIR PUTEH, Ahad - Kawasan Pantai Tok Bali dan Kuala Semarak, dekat sini, akan membangun dengan pesat selepas tahun 2000, sebaik sahaja jambatan konkrit dua hala merentasi Sungai Semarak bernilai RM10 juta siap dibina.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Semarak, Kamarudin Mohd Nor, berkata reka bentuk pembinaan jambatan itu sedang dilaksanakan dan tender pembinaannya akan ditawarkan kepada pertengahan tahun depan.

Beliau merakamkan penghargaan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana meluluskan peruntukan bagi pembinaan jambatan itu sekali gus menggambarkan keprihatinan terhadap kesulitan yang dialami penduduk Semarak selama ini.

Menurutnya, kelulusan projek berkenaan memberi potensi besar terhadap industri pelancongan dan penduduk di beberapa kampung di pinggir sungai berhampiran.

(END)